

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAPAN BERTULIS**  
**MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA,**  
**PARLIMEN KETIGA BELAS,**  
**MAJLIS MESYUARAT DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : BERTULIS**

**DARIPADA : TUAN IGNATIUS DORELL LEIKING**  
**[PENAMPANG]**

**SOALAN :**

Tuan Ignatius Dorell Leiking minta **MENTERI TENAGA, TEKNOLOGI HIJAU DAN AIR** menyatakan mengapa kejadian '*blackout*' dan '*unstable irregular power supply*' kerap berulang kali terjadi di daerah Penampang di mana kejadian '*blackout*' terkini terjadi pada bulan April 2015 dan apakah langkah-langkah penyelesaian kekal yang telah diambil oleh Sabah Electricity Sdn. Bhd. untuk memastikan bekalan elektrik di daerah tersebut tidak mengalami gangguan dan '*unstable irregular power supply / surges*' lagi.

## JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Untuk Makluman Ahli Yang Berhormat,

1. Daerah Penampang mendapat bekalan daripada 3 punca utama bekalan elektrik iaitu Pencawang Masuk Utama (PMU) Penampang, PMU Minintod dan PMU Kota Kinabalu.

2. Sehingga 30 April 2015, sebanyak 58 gangguan bekalan elektrik dilaporkan telah berlaku di sekitar daerah Penampang yang melibatkan pelantikan pada penyuiap atau *feeder tripping*, dengan izin, ke kawasan berkenaan. Punca utama gangguan yang telah dikenal pasti adalah disebabkan kerosakan pada kabel bawah tanah. Sehubungan itu, pihak Sabah Electricity Sdn. Bhd. (SESB) telah mengenalpasti dan melaksanakan projek-projek pengukuhan sistem bagi meningkatkan daya harap pembekalan elektrik di sekitar kawasan Penampang, seperti berikut:

- (i) melaksanakan *Partial Discharge Mapping (PD Mapping)* bagi menilai tahap kesihatan kabel bawah tanah. Kos projek ini dianggarkan sebanyak RM3 juta; dan
- (ii) melaksanakan projek pewujudan 6 penyuiap atau *feeder*, dengan zin, yang baru daripada PMU Minintod dengan kos

sebanyak RM13 juta bagi mewujudkan sistem suapbalik (sistem kontingensi) dan mengurangkan bilangan pengguna bagi setiap pembekal sedia ada untuk meminimalkan kadar gangguan bekalan.

3. Selain itu, mulai bulan Januari 2015, pihak SESB telah menubuhkan Pejabat Pusat Pengurusan Bekalan (PPB) baru di Inanam sebagai tambahan kepada PPB sedia ada yang berpusat di Pejabat SESB Tanjung Aru, yang juga berperanan menyelesaikan sebarang aduan gangguan bekalan bagi seluruh kawasan Kota Kinabalu merangkumi kawasan Putatan, Inanam, Sepanggar, Menggatal, Lok Kawi dan sekitarnya. PPB yang ditubuhkan ini berfungsi untuk melaksanakan pemulihan bekalan bagi setiap aduan kerosakan dan beroperasi selama 24 jam setiap hari dalam seminggu. Adalah dijangkakan tempoh pemulihan bekalan akan dipertingkatkan dengan pertambahan PPB baharu di kawasan Inanam ini memandangkan kawasan seliaan telah dipecahkan kepada kawasan yang lebih kecil. Usaha-usaha ini akan memastikan bekalan elektrik di daerah Penampang tidak mengalami gangguan dan '*unstable irregular power supply / surges*' lagi, dengan izin.

\*\*\*\*\*